

MAHATHIR - MINYAK

1982

160

SINGAPURA, 2 JAN. (BERNAMA)--DATUK SRI DR. MAHATHIR MOHAMED HARI INI MENCADANGKAN SUPAYA NEGARA-NEGARA ASEAN BERGABUNG UNTUK MEMECAHKAN MONOPOLI PERNIAGAAN MINYAK DARI KALANGAN SYARIKAT-SYARIKAT MINYAK ANTARABANGSA YANG BESAR.

KATANYA KERJASAMA YANG WUJUD ANTARA DUA NEGARA ASEAN DIBIDANG ITU KINI SUDAH PUN MERUPAKAN PERMULAAN KERJASAMA ANTARA NEGARA-NEGARA ASEAN DALAM MENUBUHKAN SATU NUKLEAS PERUSAHAAN MINYAK DI RANTAU INI.

PERDANA MENTERI BERKATA DEMIKIAN SELEPAS MELAWAT PANGKALAN TENTERA LAUT MALAYSIA, K.D. MALAYA DI WOODLANDS DI SINI TENGAH HARI INI.

BELIAU BERKATA, PERNIAGAAN MINYAK DI NEGARA-NEGARA ASEAN SEKARANG MASIH DIKONGKONG OLEH SYARIKAT-SYARIKAT MINYAK ANTARABANGSA YANG DIKENALI SEBAGAI +THE BIG SEVEN SISTERS.+

DENGAN MENGGABUNGGAN DIRI KATANYA, NEGARA-NEGARA ASEAN AKAN DAPAT MENGATASI KEDUDUKAN MEREKA YANG KECIL UNTUK MENYAINGI SYARIKAT-SYARIKAT TERSEBUT. --BERSAMBUNG 1555/AH

B546

MAHATHIR-MINYAK 3 SINGAPURA

SYARIKAT TERSEBUT MEMPUNYAI MODAL \$53 JUTA DAN DIJANGKA MELABUR KIRA-KIRA \$200 HINGGA 250 JUTA DALAM MASA EMPAT TAHUN AKAN DATANG.

KATANYA SUDAH SAMPAI MASANYA MALAYSIA MEMPUNYAI PERUSAHAAN MINYAK KERANA +WALAUPUN KITA MEMPUNYAI MINYAK KITA TIDAK ADA PERUSAHAAN MINYAK+.

DATUK SRI DR. MAHATHIR BERKATA WALAUPUN SINGAPURA TIDAK MEMPUNYAI TELAGA MINYAK TETAPI NEGARA TERSEBUT MEMPUNYAI LEBIH 10 PERUSAHAAN YANG BERSASAKAN MINYAK YANG MERUPAKAN LIMA PERATUS DARIAPADA PERUSAHAAN PELANTAR MINYAK SELERUH DUNIA.

MENYENTUH TENTANG HUBUNGAN MALAYSIA-SINGAPURA, DATUK SRI DR. MAHATHIR BERKATA HUBUNGAN KEDUA-DUA NEGARA SEJAK BEBERAPA TAHUN KEBELAKANGAN INI SEMAKIN BAIK.

MALAYSIA, TEGASNYA, SENTIASA MENCARI JALAN SUPAYA KEADAAN AKAN LEBIH BAIK LAGI DAN MENEKANKAN BAHAWA +KITA TIDAK BOLEH MENGHARAPKAN SINGAPURA BEKERJASAMA UNTUK KEBAIKAN MALAYSIA SAHAJA+. --BERSAMBUNG 1620/MD

B547

MAHATHIR-MINYAK 4 SINGAPURA

PERDANA MENTERI MENGINGATKAN PARA PEKERJA MALAYSIA SUPAYA TIDAK MUDAH TERPEDAYA DAN DIPERALATKAN OLEH SEGOLONGAN KECIL PEKERJA-PEKERJA ASING YANG BEKERJA DI MALAYSIA BERTUJUAN MENJAHANAMKAN PERUSAHAAN NEGARA.

BELIAU MENEGASKAN SEKIRANYA PEKERJA-PEKERJA MALAYSIA SANGGUP DIPERALATKAN UNTUK KEUNTUNGAN JANGKA PENDEK MEREKA PATUT MENYALAHKAN DIRI MEREKA DAN BUKAN ORANG LAIN.

+SAYA TELAH BEBERAPA KALI MENEGUR MENGENAI KESATUAN ANTARABANGSA YANG BERTUJUAN BUKAN HENDAK MENOLONG TETAPI MENYAINGI KITA.+

+TETAPI MASALAHNYA PEKERJA-PEKERJA KITA TIDAK PEDULI AKAN KESAN TINDAKAN MEREKA OLEH SEBAB HENDAKAN KEUNTUNGAN JANGKA PENDEK.+ KATANYA.

MDATUK SERI DR. MAHATHIR DISAMBUT DENGAN SATU PERBARISAN DAN TABIK HORMAT DARI 53 ORANG ANGGOTA TENTERA LAUT DIRAJA MALAYSIA. BELIAU KEMUDIAN DIBERI TAKLIMAT OLEH KAPTEN RAMLI SANGIS

PERDANA MENTERI SEDANG DALAM LAWATAN TIDAK RASMI TIGA HARI DI SINGAPURA. -- BERNAMA 1627/MD

B548

ULANGAN PEMBETULAN 'se' 'se' 'se'
BERITA 544

MAHATHIR - MINYAK 2 SINGAPURA

DALAM HUBUNGAN INI DAN BAGI PERMULAANNYA, KATA PERDANA MENTERI, KERAJAAN AKAN MEMPERUNTUKKAN KAWASAN SELUAS 250 EKAR DI TANJUNG RUMANIA DEKAT Pengerang di Johor khusus bagi pembinaan pelantar minyak oleh sebuah syarikat Malaysia, PROMET PT. LTD., YANG KETIKA INI TERLETAK DI JURONG DI SINI.

KATANYA, KERAJAAN NEGERI JOHOR TELAH PUN BERSETUJU PADA DASARNYA MEMBINA KAWASAN TERSEBUT.

LANGKAH TERSEBUT JUGA BERTUJUAN SUPAYA SYARIKAT ITU, YANG MEMPUNYAI WARGA NEGARA INDONESIA DAN SINGAPURA SEBAGAI PEMEGANG SAHAM, MELABUR DI MALAYSIA, KATA PERDANA MENTERI. --BERSAMBUNG 1632/MD